

Headline	Semoga mereka berjaya		
Media Title	Berita Harian		
Date	12 May 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	354 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rahmat Othman	AdValue	RM 12,203
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,608



Oleh Rahmat Othman  
upen@bh.com.my

► **Pendang**

**S**eminar Bimbingan Peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH bertujuan membantu dan menggalakkan murid untuk maju dalam bidang pendidikan.

Pengurus TH Pendang, Burhan Abd Rahman, berkata program itu dapat memberi pendedahan berguna dan kefahaman kepada calon yang bakal menduduki peperiksaan berkenaan.

"Murid didedahkan kepada strategi dan teknik menjawab soalan dengan baik serta tepat. Kita berharap semoga mereka berjaya mendapat keputusan cemerlang 5A dalam UPSR pada September depan.

"Peserta program ini adalah murid yang menjadi ahli Kelab TaHa," katanya pada Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2014 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pendang di sini, baru-baru ini.

Seramai 250 murid dari 12 sekolah menyertai seminar berkenaan, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Pendang, SK Ayer Puteh, Sekolah Rendah Islam Islah, SK Guar Kepayang, SK Bukit Raya Dalam, SK Bukit Choras, SK Bukit Jambul, SK Hujung Keton, SK Haji Mohammad Ariff, SK Haji Mat Dahan, SK Bukit Jenun dan SK Paya Rawa.

Bagi mempertingkatkan persefahaman calon peperiksaan, Burhan



Muhammad Nazreen Amzar

berkata, pihaknya sudah mengaturng penganjuran program sama di Jitra pada akhir bulan ini, selain seminar pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Alor Setar, tidak lama lagi.

**Teruja**

Sementara itu seorang peserta dari SK Guar Kepayang, Nurzhahiah Ahmad, 12, mengaku gembira terpilih menyertai program berkenaan.

"Program ini bagus kerana peserta bukan sahaja dapat menambah ilmu pengetahuan, malah berpeluang membuat per-

» Seminar memberi pendedahan berguna kepada calon UPSR

sediaan lebih baik untuk menghadapi peperiksaan UPSR nanti," katanya.

Muhammad Nazreen Amzar, 12, dari SK Pendang juga teruja berpeluang menghadiri program itu kerana sebelum ini hanya mendengar perihal seminar berkenaan daripada rakan peserta terdahulu, di samping melalui hebahan dalam akhbar sisipan *Didik* terbitan BH.

"Jika diberi peluang, saya akan menyertai program ini lagi kerana pendedahannya sangat menarik, selain diajar oleh guru berpengalaman," katanya.